

SOALAN NO : 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan dan kedudukan keselamatan dan kedaulatan negara di atas perkembangan terkini krisis perebutan Wilayah di Laut China Selatan, khasnya tindakan Angkatan Tentera Laut Negara China yang semakin agresif mencerobohi wilayah negara lain.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan ini akan dijawab serentak bersama pertanyaan dari **YB BATU pada 25 MAC 2014** dan dari **YB BUKIT MERTAJAM pada 27 MAC 2014**.

Untuk makluman, Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keselamatan dan kedaulatan negara di Laut China Selatan. Dalam hubungan ini, sukacita memaklumkan bahawa Pasukan Keselamatan khususnya Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa melaksanakan rondaan dan pengawasan maritim secara berterusan dalam kawasan perairan negara di Laut China Selatan. Sehingga kini, hasil rondaan dan penguatkuasaan Pasukan Keselamatan di Laut China Selatan, keselamatan dan kedaulatan perairan negara adalah terpelihara. Sebagaimana yang diketahui, Laut China Selatan adalah *semi-enclosed sea* yang dituntut oleh beberapa buah negara iaitu Brunei, Republik Rakyat China (RRC) (termasuk Taiwan), Malaysia, Filipina dan Vietnam. Dalam hubungan ini, pendirian negara berhubung dengan tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah melalui perundingan dan berlandaskan perundangan antarabangsa.

Sekian. Terima kasih.